

# **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/1995**

**April 1995**

**BAT 411/3 - AKUAKULTUR**

**Masa: [3 jam]**

---

**Jawab LIMA daripada ENAM.**

**Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah**

---

(BAT 411/3)

1. a) Bincangkan mengapa seorang penternak kerang (*Anadara granosa*) tidak dapat menandingi produktiviti seorang penternak siput sudu (*Perna viridis*) yang menggunakan sistem ternakan bertali.  
(10 markah)
- b) Bincangkan dinamik kepekatan ammonia dan nitrit dalam konteks ternakan ikan secara intensif.  
(10 markah)
2. Bincangkan dengan terperinci konsep ternakan ikan bersepadu tradisional yang diamalkan dengan ikan Kap Cina.  
(20 markah)
3. Huraikan dengan terperinci proses yang anda lakukan untuk menjalankan aktiviti pembiakan secara aruhan bagi ikan keli (*Clarias spp.*)  
(20 markah)
4. Bincangkan dengan terperinci proses penyediaan kolam yagn terletak berdekatan dengan hutan paya bakau, sebelum kolam tersebut distok dengan ikan.  
(20 markah)
5. a) “Penuaian sesuatu kolam ikan yang telah distokkan dengan spesies tertentu hendaklah dibuat pada masa yang ditetapkan tanpa melengah-lengahkan penuaian tersebut”. Bincangkan kesignifikanan prinsip di atas.  
(12 markah)
- b) Bincangkan cara dan kaedah yang perlu dilakukan untuk mengawal penularan penyakit ikan di kolam ternakan.  
(8 markah)

(BAT 411/3)

6. a) Apakah peranan penting yang dimainkan oleh protein pada ikan.  
(5 markah)
- b) Seorang penternak telah datang untuk meminta nasihat anda dari segi untung rugi cadangan projek beliau menternak ikan sepat siam. Maklumat berikut telah diberikan kepada anda untuk membantu penganalisaan anda.

Saiz kolam	4 ekar
Bilangan kolam	6 buah
Masa ternakan	5 bulan
Kadar penstokan	40,000 ekor per ekar
Peratusan hidup	80%
Saiz pasaran	8 ekor per kg.
Harga makan	RM2.50 per kg.
Nisbah tukaran makanan (FCR)	1.5:1
Harga pasaran	RM4.50 per kg.

Apakah nasihat anda kepada penternak tersebut berkenaan dengan cadangan beliau. Bagaimanakah cara-cara penternak tersebut meningkatkan kekesanan dan keuntungan ternakan beliau.

(15 markah)

-ooo0ooo